

# Lelaki mengaku salah guna dadah dipenjara tujuh bulan

**KUCHING:** Seorang lelaki berusia 40 tahun dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas dia mengaku bersalah menyalahgunakan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine pada Julai tahun ini.

Saiful Bohari Bolkipli mengaku bersalah di hadapan Majistret Mason Jaro

Lenya Barayan, yang turut mengarahkannya menjalani pengawasan dua tahun oleh pihak berkuasa, selain memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa mulai semalam.

Saiful didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 15(1) akta yang sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan diletakkan di bawah pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Pendakwaan kes oleh ASP Mohd Adzmei Ahmad manakala Saiful tidak diwakili peguam.